



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 20 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15.	19.2 TAN BIJI KOPI HIJAU DISITA, NASIONAL, BH -22 19.2 TAN BIJI KOPI ARABICA DISITA, NEGERI, SH -24 MAQIS SEIZES 1,145KG OF FISH WITHOUT EXPORT PERMIT, NEWS IN BRIEF, NST -12 THREE MAQIS OFFICERS REMANDED OVER ALLEGED CORRUPTION, NEWS, THE SUN -5 PADAH SOROK IKAN TIADA SURAT, NEGARA, KOSMO -14 UDANG KARA INDONESIA TANPA PERMIT DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO 14 MAQIS RAMPAS 197KG LOBSTER DARI INDONESIA, MAHKAMAH, SH -21 MAQIS JOHOR PATAHKAN CUBAAN SELUDUP 1,145 KILOGRAM IKAN BASAH KE SINGAPURA, NEGERI, SH -27 KARTEL DAGING: TIGA PENOLONG PEGAWAI MAQIS JOHOR DIREMAN, NEGARA, KOSMO -8 3 LAGI PEGAWAI MAQIS DIREMAN, NASIONAL, BH -7 TIGA PEGAWAI MAQIS DIREMAN, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -21 MAKAN SUAP RM200,000, LOKAL, HM -13 TIGA PEGAWAI MAQIS DIREMAN LIMA HARI, LOKAL, HM -13 197KG UDANG KARA DIRAMPAS, LOKAL, HM -16 MAQIS SITA KOPI KENYA, LOKAL, HM -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
16. 17. 18.	JUAL BENIH PADI LUAR SKIM, LOKAL, HM -16 'ADA PIHAK JUAL BENIH PADI SECARA TIDAK SAH', NASIONAL, BH -16 KOMPLOTT JUAL BENIH PADI, HM -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (NAFAS)
19. 20.	REKOD 12,834 KES TERNAKAN MATI, LOKAL, HM -12 LEBIH 50 EKOR LEMBU MATI, DALAM NEGERI, UM -31	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
21.	BERKAT JAGA IBU, BEKAS PEREKA GRAFIK JADI PETANI BERJAYA, NEGARA, KOSMO -18	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
22.	PKP 'GANGGU' KETIBAAN RAJA BUAH, DALAM NEGERI, UM -33	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

19.2 tan biji kopi hijau disita

Butterworth: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang menyita 19.2 tan biji kopi hijau Arabica bernilai RM517,700 di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini, Ahad lalu.

Pengarah MAQIS negeri, Zarina Ramli, berkata pemeriksaan rutin dijalankan pada jam 4.45 petang oleh pihaknya mendapati 640 guni biji kopi dalam sebuah kontena dari Kenya, tidak mematuhi syarat permit import.

“Kontena membawa barangan itu tidak mematuhi syarat permit

import, iaitu ketidakpatuhan Sijil Perakuan 3P (penggredan, pembungkusan dan pelabelan).

“Susulan itu, semua biji kopi hijau berkenaan dirampas untuk siasatan lanjut,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Katanya, jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya.

19.2 tan biji kopi Arabica disita

Maqis Pulau Pinang menemui 640 guni biji kopi yang dibawa dalam kontena dari Kenya

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

BUTTERWORTH

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang menyita sebanyak 19.2 tan biji kopi hijau Arabica bernilai RM517,700 di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini pada Ahad.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, rampasan itu dibuat ketika pemeriksaan rutin pada jam 4.45 petang di terminal tersebut.

Hasil pemeriksaan katanya, pihaknya menjumpai 640 guni biji kopi yang dibawa di dalam sebuah kontena dari Kenya.

"Pemeriksaan butiran penghantaran itu mendapati ia tidak mematuhi syarat permit import.

"Semua biji kopi yang dianggarkan bernilai RM517,700 itu disiasat kerana kesalahan ketidakpatuhan Sijil Perakuan 3P (penggredan, pembungkusan dan pelabelan)," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011



Kesemua biji kopi hijau Arabica didapati tidak mematuhi syarat permit import dirampas Maqis Pulau Pinang pada Ahad.

yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM100,000 jika sabit kesalahan.

"Ia juga memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi enam tahun atau keduanya," katanya.

Tambah beliau, pihak Maqis sentiasa mengambil langkah serius dalam isu melibatkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam industri pertanian negara.

"Tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasakan bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara," katanya.



Kopi Arabica

- Satu daripada empat jenis kopi selain Robusta, Exelca dan Liberica.
- Paling popular dan mahal harganya.
- Merangkumi 70 peratus pengeluaran kopi dunia.
- Berasal dari Ethiopia tapi turut ditanam di negara lain.
- Indonesia dan Vietnam adalah antara negara pengeluar kopi Arabica.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2021	NST	NEWS IN BRIEF	12

Maqis seizes 1,145kg of fish without export permit

JOHOR BARU: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized a shipment of fresh fish being exported to Singapore without a valid export permit. Johor Maqis director Nur Afifah A. Rahman said in a statement that the seizure was made following an inspection on a lorry at the Sultan Abu Bakar Complex at 2pm on Monday. "We found 1,145kg of fish of various types, valued at RM24,265, that did not have a valid export permit. The fish was mixed with other fish that were accompanied by proper documents to confuse the enforcement officers." The 29-year-old driver of the lorry was released after his statement was recorded.

Three Maqis officers remanded over alleged corruption

JOHOR BARU: Three assistant enforcement officers of the Malaysian Department of Quarantine and Inspection Services (Maqis) in Johor have been remanded for five days for allegedly being involved in corrupt activities in connection with a meat cartel case.

The remand order, which took effect yesterday and will end on Saturday, was issued by Johor Baru court registrar Nur Fathiah Mohd Fedzir following an application by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC).

It is understood that they were working in three separate locations, namely the Maqis office at the Port of Tanjung Pelepas, Gelang Patah in Iskandar Puteri, the Customs, Immigration and Quarantine Complex at Sultan Iskandar Building, Johor Baru, and in Muar.

This is the second arrest involving Maqis officers in Johor in connection with the meat cartel case.

The first was on Jan 7 involving two officers, aged 27 and 31.

Last December, Maqis uncovered the activities of the cartel, which brought in meat without a halal certificate, before using fake halal logos to sell the meat in local markets. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2021	KOSMO	NEGARA	14

* Padah sorok ikan tiada surat

JOHOR BAHRU – Taktik seorang lelaki menyembunyikan ikan yang tidak mempunyai permit import di dalam lori yang dibawanya mengundang padah apabila dia ditahan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor kelmarin.

Lelaki berusia 29 tahun tersebut ditahan pada pukul 2 petang ketika hendak membawa 1,145 kilogram ikan bernilai RM24,265 ke Singapura di Kompleks Sultan Abu Bakar, Gelang Patah di sini.

Bagaimanapun, lelaki itu ke-

mudian dibebaskan selepas keberangannya diambil.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A. Rahman berkata, ikan itu diletakkan bersama ikan lain yang mempunyai dokumen sah bagi mengelirukan pihak berkuasa.

“Antara ikan yang tidak mempunyai permit sah import termasuk bawal, siakap, jelawat dan lain-lain,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, Maqis komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan akan terus

diperkasakan lagi di semua pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara serta mematuhi syarat ditetapkan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 11(2) Akta Maqis 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta sama yang memperuntukkan hukuman denda RM100,000 atau penjara enam tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.



SEBAHAGIAN Ikan yang hendak dieksport ke Singapura dirampas kerana tidak mempunyai dokumen dan permit di Kompleks Sultan Abu Bakar, Gelang Patah kelmarin.



UDANG karang Indonesia dirampas Maqis Sepang kerana tidak mempunyai permit import.

Udang kara Indonesia tanpa permit dirampas

SEPANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 197 kilogram (kg) udang kara air tawar bernilai RM3,300 Indonesia kerana tidak mempunyai permit import Sabtu lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Dr. Tarmisal Alimin berkata, rampasan itu dilakukan ketika anggota Maqis melakukan pemeriksaan rutin di bahagian kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada pukul 4 petang.

Katanya, rampasan dilakukan kerana udang kara terse-

but tidak mempunyai dokumen sah untuk diimport.

"Kita melakukan pemeriksaan yang teliti bagi setiap komoditi haiwan, tumbuhan dan karkas sama ada yang diimport atau eksport bagi mengawal biosekuriti dan kawalan penyakit serta keselamatan makanan dalam negara," katanya.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta 728 yang memperuntukkan hukuman denda RM100,000 atau penjara enam tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH	21

Maqis rampas 197kg lobster dari Indonesia

SEPANG - Jabatan Perkhidmatan Ku- arantin dan Pemeriksaan Malaysia (Ma- qis) merampas udang kara air tawar (lobster) yang dianggar bernilai RM3,300 ketika membuat pemeriksaan di kargo Lapangan Terbang Antara- bangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini pada Sabtu.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tar- misal Alimin berkata, penahanan 197 kilogram (kg) dagangan lobster tersebut dilakukan ketika pemeriksaan rutin di- jalankan di kawasan pemeriksaan Ma- qis KLIA pada jam 4 petang.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati dagangan itu tiada sebarang dokumen yang sah seperti permit import Maqis.

"Semakan awal mendapati lobster itu diimport dari Indonesia. Pengim- portan lobster tanpa Permit Import Ma- qis merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta 728 yang boleh didenda tidak melebihi RM100,000 ringgit atau dipenjarakan selama tem- poh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya dalam satu ke- nyataan pada Selasa.

Tambahnya, pihaknya sentiasa teliti melakukan pemeriksaan bagi setiap ko- moditi haiwan, tumbuhan serta karkas sama ada yang diimport atau dieksport bagi mengawal dan menjaga biosekuri- ti; kawalan penyakit serta keselamatan makanan dalam negara.



Maqis merampas udang kara air tawar dianggar bernilai RM3,300 di kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada Sabtu.

Maqis Johor patahkan cubaan seludup 1,145 kilogram ikan basah ke Singapura



Maqis Johor mematahkan cubaan eksport ikan ke Singapura tanpa permit selepas menahan sebuah lori di KSAB, Tanjung Kupang, Iskandar Puteri pada Isnin.

ISKANDAR PUTERI - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor menahan 20 jenis ikan basah seberat 1,145 kilogram tanpa permit eksport yang sah ke Singapura di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Tanjung Kupang pada Isnin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A Rahman berkata, ikan tersebut yang cuba diseludup keluar ke republik itu ditemui selepas pemeriksaan dilakukan terhadap sebuah lori membawa muatan ikan di laluan eksport KSAB pada jam 2 petang.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan menemui pelbagai jenis ikan basah termasuk bawal, si-

akap, jelawat dan bernilai RM24,265.

“Semua ikan itu diletakkan bersama ikan lain yang mempunyai dokumen sah bagi mengelirukan pegawai penguat kuasa Maqis yang menjalankan pemeriksaan,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Katanya, susulan itu pemandu lori berusia 29 tahun diambil keterangan sebelum dibebaskan.

Jelasnya, perbuatan mengeksport sebarang jenis keluaran pertanian tanpa permit eksport daripada Maqis adalah kesalahan di bawah Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011

[Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama.

Jika disabit kesalahan katanya, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Maqis katanya, sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan akan terus diperkasakan lagi di semua pintu masuk negara.

Tambah beliau, ini bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara serta mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan.

Kartel daging: Tiga penolong pegawai Maqis Johor direman

JOHOR BAHRU – Tiga lagi Penolong Pegawai Penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor direman selama lima hari bagi membantu siasatan kes sindiket kartel daging sejuk beku import yang didekahkan Disember tahun lalu.

Perintah reman terhadap ketiga-tiga mereka dikeluarkan Pendaftar Mahkamah, Nur Fathlah Mohd. Fedzir di Mahkamah Majistret Johor Bahru bermula semalam hingga Sabtu depan.

Difahamkan, suspek yang berusia antara 40 hingga 55 tahun itu masing-masing bertugas di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah; Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru dan di Pejabat Maqis Muar.

Mereka ditahan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor pada pukul 7 malam kelmarin selepas dijanggail untuk memberi keterangan.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut bagaimanapun enggan mengulas lanjut berkaitan kes masih dalam siasatan.

Kesemua mereka disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 atas tuduhan menerima rasuah.

Tindakan reman terbaharu ini menyaksikan seramai lima kakitangan Maqis Johor telah dikenakan tindakan undang-undang membabitkan sindiket kartel daging ini.

Pada 2 Disember tahun lalu,



KERATAN Kosmo 8 Januari 2020.

Maqis mendedahkan kegiatan kartel daging sejuk beku import yang membawa masuk daging tanpa sijil halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual di pasaran tempatan.

Tindakan pertama melibatkan pegawai kerajaan dibuat pada 7 Januari apabila dua pegawai Maqis Johor telah direman di Mahkamah Johor Bahru bagi membantu siasatan melibatkan kegiatan jenayah sama.

Tertuduh yang berusia 27 dan 31 tahun itu disyaki menerima rasuah bagi aktiviti penyeludupan bahan mentah sejuk beku dari negara yang dilarang untuk dibawa masuk ke Malaysia.

Sebelum itu pada 4 Januari, empat individu melibatkan tiga pengarah syarikat dan seorang kerani direman bersabit skandal sama sebelum dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas tempoh reman tamat.

Kesemua suspek yang berusia antara 39 hingga 50 tahun itu dibebaskan dengan jaminan berjumlah RM10,000 setiap seorang.

SPRM dalam satu kenyataan maklumkan pihaknya masih menjalankan siasatan melibatkan sindiket kartel daging sejuk beku import berkenaan.



TIGA penolong pegawai Maqis direman lima hari oleh Mahkamah Majistret Johor Bahru bagi membantu siasatan berkaitan kartel daging import sejuk beku.

Kes kartel daging import

3 lagi pegawai MAQIS direman

Suspek ditahan SPRM selepas hadir bantu siasatan.

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Tiga pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan kegiatan rasuah kemasukan daging beku tidak dibenarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Perintah reman sehingga Sabtu ini dikeluarkan Penolong Pendaf-tar Mahkamah Majistret Johor Bahru, Nur Fathiah Mobd Fedziaer

selepas mendengar perimohonan Suruhanjaya Penegehan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor, pagi se-malam.

Ia menjadikan lima pegawai jabatan itu disiasat setakat ini berhubung kes terbabit selepas dua pegawai MAQIS Johor berusia 27 dan 31 tahun direman mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 pada 7 Januari lalu.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi, berkata ketiga-tiga suspek masing-masing berusia 40, 44, dan 55 tahun ditahan di Pejabat SPRM Johor kira-kira jam 7 malam kelmarin selepas hadir membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," katanya.

Kelmarin, SPRM Johor dilaporkan menahan seorang pengarah syarikat berusia 36 tahun di Johor

Bahru sebelum suspek direman selama enam hari.

Pada 12 Januari lalu, seorang ejen penghantaran direman lima hari kerana disyaki terbabit kegiatan rasuah bertubung isu skandal kartel daging import yang mengemparkan tanah air pada bulan lalu.

Lelaki berusia 55 tahun berke-naan sebelum itu ditahan di Pejabat SPRM Johor bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Ak-ta SPRM 2009.

Pada 4 Januari pula, seorang pengarah dan tiga pekerja syarikat pengimport daging sejuk beku, di sini, dilaporkan turut di-reman.

Empat suspek berusia 39 dan 50 tahun itu adalah pengarah, pen-garah operasi dan kerani dari-pada sebuah syarikat sejuk beku, manakala seorang lagi pengarah



Tiga pegawai MAQIS keluar dari Mahkamah Majistret Johor Bahru selepas mendapat perintah tahanan reman lima hari; semalam. (Foto Zain Ahmed /BH)

syarikat lain.

Kelmarin, SPRM dalam satu ke-nyataan memuktamukan lapan suspek sudah ditahan sejak 4 Ja-nuari lalu bagi membantu sia-satan bertubung isu kartel da-ging sejuk beku dan 27 saksi di-panggil membabitkan pekerja syarikat, ejen pengimport serta pegawai kerajaan.

Kes berkenaan disiasat mengi-

kut Akta SPRM 2009 yang men-jurus kepada kesalahan meneri-ma rasuah, mengemukakan tun-tutan palsu serta kesalahan ber-kaitan pemalsuan dokumen.

Bulan lalu, media melaporkan kewujudan kartel mendalangi pe-nyeludupan daging import dari negara sumber tidak sah, dengan produk yang dibawa masuk di-ragui halai status dan kualitinya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	21

Tiga pegawai Maqis direman

Disyaki terlibat rasuah berhubung kemasukan daging beku secara haram

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Tiga pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) direman lima hari bermula Selasa kerana disyaki terlibat rasuah berhubung kemasukan daging beku yang tidak dibenarkan Jabatan Veterinar Malaysia.

Perintah reman ke atas mereka dikeluarkan Penolong Pendaftar, Nur Fathiah Mohd Fedzir di Mahkamah Majistret Johor Bahru selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor membuat permohonan berkenaan pagi Selasa.

Terdahulu, ketiga-tiga suspek tiba di pekarangan kompleks mahkamah kira-kira jam 8.20 pagi dengan berpakaian baju lokap SPRM.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi berkata, ketiga-tiga suspek masing-masing berusia 40, 44, dan 55 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Johor pada Isnin malam selepas hadir untuk membantu siasatan.



KES KARTEL DAGING

Tiga pegawai Maqis dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru untuk permohonan reman pada Selasa.

“Kes ini disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009,” katanya.

Isnin lalu, SPRM Johor dilaporkan menahan seorang pengarah syarikat berusia 36 tahun di Johor Bahru sebelum suspek direman selama enam hari bermula kelmarin.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, SPRM menerusi kenyataan dikeluarkan memberitahu sudah menahan seramai lapan suspek sejak 4 Januari lalu bagi membantu siasatan berhubung isu kartel daging sejuk beku.

SPRM dilaporkan memaklumkan juga seramai 27 saksi juga dipanggil dalam siasatan kes berkenaan terdiri daripada pekerja syarikat, ejen peng-

import serta pegawai kerajaan.

Suruhanjaya itu menyiasat kes berkenaan mengikut Akta SPRM 2009 yang menjurus kepada kesalahan menerima rasuah, mengemukakan tuntutan palsu serta kesalahan berkaitan pemalsuan dokumen.

Pada 2 Disember lalu, *Sinar Harian* menerusi laporan khas membongkar kegiatan kartel mengimport daging dari beberapa negara yang tidak halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual dan dibekalkan di pasaran tempatan.

Serbuan dilakukan Maqis bersama-sama agensi lain di sebuah stor di Senai dekat sini, sekali gus mendedahkan kegiatan itu yang menggemparkan seluruh negara.



PEGAWAI SPRM JOHOR mengimpor tiga pegawai penjawatan MAQIS bagi memudahkan urusan rasmi di Mahkamah Magister, Johor Bahru, semalam.

Oleh Hazri A Bakar
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Tiga pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) yang direman semalam disyaki menerina sogokan sekurang-kurangnya RM200,000 bagi melepaskan kontenya muatan daging kerbau, sejuk beku import daripada pembekal tidak diiktiraf sejak 2017.

Sumber memberitahu Harian Metro, pegawai Maqis terbabit dikatakan sudah melepaskan hampir 100 kontenya dengan muatan daging sejuk beku itu daripada pengeksport dari India yang tidak dikliraf Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).
Keranya, setiap pegawai Maqis itu disogok antara RM1,000 hingga RM5,000 bagi melepaskan setiap kontenya terbabit dan sogokan yang diterima berbeza berdasarkan pangkat dijawat pegawai terbabit.

Pegawai berpangkat

KES KARTEL DAGING IMPORT

Makan suap RM200,000

tinggi menerima sogokan lebih tinggi berbanding anak buahnya.

"Ya dipercayai berlaku di pintu masuk dagangan Pelepas Tanjung Pelepas (PTP) membabitkan ejen penghantaran yang menguruskannya dokumen kemasukan daging sejuk beku terbabit," katanya ketika dihubungi, semalam.

Keranya, pegawai Maqis bersekolong dengan ejen penghantaran bagi melepaskan barangan yang diimport meskipun mengetahui pembekal daripada syarikat yang tidak pernah dibenarkan memasukan muatan daging sejuk beku dari India

Pegawai Maqis dikatakan sudah melepaskan 100 kontenya muatan daging sejuk beku dari India

ki negara ini. Semalam, ketiga-tiga pegawai Maqis masing-masing berusia 40, 44 dan 55 tahun itu direman lima hari sehingga 23 Januari ini bagi siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Difahamkan dua pegawai Maqis itu menentang Jawatan Penolong Pegawai Pelesenan dan Stesen Pintu Masuk Dagangan yang di-

Ketua Pintu Masuk Maqis. Ketiga-tiga pegawai Maqis itu bagaimanapun, mengikat senarai terbitan JPV, daripada berbekal di India, syarikat Federal Agro Industries Private Limited digantung pengiktirafan mereka berkuat kuasa serta-merta pada 16 September lalu.

Tiga pegawai Maqis direman lima hari



Johor Bahru: Tiga pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) direman lima hari bermula semalam sehingga 23 Januari ini, selepas disyaki terbabit kegiatan rasuah bertubung kemaskan daging beku yang tidak dibenarkan oleh Jabatan Veterinar Malaysia.

Perintah reman itu dibuat Mahkamah Magister Johor Bahru Nur Faridah Mohd Fadzir selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor membuat permohonan bertema-an, pagi semalam.

Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi Alias berkata, ketiga-tiga suspek berkenaan masing-masing berusia 40, 44 dan 55 tahun.

"Ketiga-tiganya ditahan di Pejabat SPRM Johor kira-kira jam 7 malam tadi (kelmarin) selepas hadir untuk membantu siasatan.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," katanya ketika dihubungi, semalam. Kelmarin, SPRM Johor dilaporkan menahan seorang pegawai syarikat berusia 36 tahun di Johor Bahru sebelum suspek direman semalam enam hari.

Pada 12 Januari lalu, seorang ejen penghantaran direman lima hari sehingga Sabtu lalu kerana disyaki terbabit kegiatan rasuah bertubung isu skandal kereta daging yang menggegarkan tanah air. Disember lalu, Suspek, lelaki berusia 55 tahun itu ditahan di Pejabat

Ketiga-tiganya dirahan di Pejabat SPRM Johor kira-kira jam 7 malam tadi (kelmarin) selepas hadir untuk membantu siasatan"

Azmi Alias

SPRM Johor baru-baru ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Pada 7 Januari lalu, dua pegawai Maqis Johor berusia 27 dan 31 tahun direman mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Pada 4 Januari lalu pula, seorang pengarah dan tiga pekerja syarikat pengimport daging sejuk beku, di sini dilaporkan turut direman.

Empat suspek berusia 39 dan 50 tahun itu adalah pengarah, pengarah operasi, kerani dari syarikat sejuk beku yang sama manakala seorang lagi pengarah syarikat lain.

Delaman kenyataan diarahkan SPRM kelmarin dilaporkan seramai lapan suspek sudah ditahan sejak 4 Januari lalu bagi membantu siasatan bertubung isu kereta daging sejuk beku. SPRM dilaporkan memuktamadkan seramai 27 suspek juga dipanggil dalam siasatan kes berkenaan terdiri daripada pekerja syarikat, ejen pengimport serta pegawai kerajaan.

197kg udang kara dirampas

Sepang: Cuba seludup masuk ribuan ekor udang kara air tawar dari Indonesia ke Malaysia.

Bagaimanapun, jenayah itu berjaya dibongkar Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) selepas melakukan pemeriksaan di kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 4 petang, Sabtu lalu. Penga-

rah Maqis Selangor, Dr Tarmis Alimin berkata, pihaknya berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk 197 kilogram (kg) udang kara air tawar bernilai RM33,000.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati udang kara import itu tidak mempunyai sebarang dokumen sah seperti Permit Import Maqis. "Pengimportan udang kara tanpa

Permit Import Maqis adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta 728 yang boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.

Katanya, Maqis sentiasa teliti dalam melakukan pemeriksaan bagi setiap komoditi haiwan, tumbuhan serta karkas sama ada yang diimport atau dieksport bagi mengawal dan menjaga biosekuriti dan kawalan penyakit serta keselamatan makanan di dalam negara.



UDANG kara yang dirampas di kargo KLIA, Sabtu lalu.

Udang kara import itu tidak mempunyai Permit Import Maqis

Oleh Yusmizal Dolah
Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Walaupun kerajaan melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai pemborong tunggal dalam pendedaran benih padi, ada pihak dikesan mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan.

Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mengesan wujud kelompok tertentu menjual benih padi secara tidak sah di utara tanah air.

Ketua Pengarahnya, Azman Mahmood berkata, ia berdasarkan aduan diterima daripada petani mengenai aktiviti yang didalangi orang dalam industri itu.

"Apabila kerajaan mengemukakan langkah penyelesaian untuk isu kawalan harga dan kualiti benih padi, pihak berkenaan tidak lagi terbabit.

Jual benih padi luar skim

Orang dalam industri dalang penjualan benih padi secara tidak sah di utara tanah air

"Apa yang dilakukan, mereka menghabiskan stok benih padi yang ada untuk dijual kepada petani dan ia di luar skim yang diperkenalkan kerajaan," katanya kepada Harian Metro.

Azman berkata, pihaknya khawatir benih yang dijual itu tidak menepati kualiti yang sepatutnya dan ia boleh menjejaskan pengeluaran padi di dalam negara.

Menurutnya, pihaknya tidak akan ber-

kompromi dengan isu itu kerana ia sudah berlanjutan untuk tempoh masa lama dan menjejaskan penanaman padi di negara ini.

Oleh itu, katanya, tindakan tegas akan diambil kepada petani dan pembekal yang terbabit dalam isu

itu. Katanya, November tahun lalu, pihaknya sudah mengeluarkan Perintah Tetap kepada pe-

ngeluar, pemborong, peruncit, ejen pengedar bagi program Insentif Benih Padi Sah (IBPS).

"Kita akan siasat perkara ini mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522) iaitu pendedaran dan penjualan benih.

"Saya beri amaran agar mereka ini menghentikan segera kegiatan ini atau berdepan tindakan undang-undang," katanya.

"Kita akan siasat perkara ini mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522)"
Azman



TINDAKAN tegas akan diambil kepada petani dan pembekal yang terbabit dalam isu ini.

Maqis sita kopi Kenya

Butterworth: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas lebih 19 tan biji kopi hijau Arabica dari Kenya bernilai lebih RM517,000 di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, Ahad lalu.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, pada pemeriksaan jam 4.45 petang itu, pihaknya menemui 640 guni biji kopi terbabit dalam sebuah kontena.

"Kontena itu pula tidak

mematuhi syarat permit import iaitu keridakpatuhan Sijil Perakuan 3P (penggredan, pembungkusan dan pelabelan).

"Kami merampas biji kopi terbabit untuk siasatan lanjut," katanya pada kenyataan semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]. sabit kesalahan boleh didenda RM100,000 atau penjara enam tahun atau kedua-duanya sekali.



KOPI hijau Arabica yang ditemui dalam sebuah kontena.

'Ada pihak jual benih padi secara tidak sah'

Kuala Lumpur: Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengesan terdapat pihak yang menjual benih padi secara tidak sah di utara tanah air.

Ketua Pengarahnya, Azman Mahmood, berkata ia berdasarkan aduan diterima dari petani mengenai aktiviti yang didalangi individu dalam industri terabit.

Beliau berkata, walaupun kerajaan melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) se-

bagai pemborong tunggal untuk pengedaran benih padi, pihak berkenaan dikesan mengambil kesempatan mengaut keuntungan.

"Apabila kerajaan mengumumkan langkah penyelesaian untuk isu kawalan harga dan kualiti benih padi, pihak itu tidak lagi terabit.

"Jadi, mereka menghabiskan stok benih padi yang ada untuk dijual kepada petani dan ia di luar skim yang diperkenalkan kerajaan," katanya.

Azman berkata, pihaknya khuatir benih yang dijual itu tidak menepati kualiti yang sepatutnya dan boleh menjejaskan pengeluaran padi negara.

Katanya, Kementerian itu juga tidak akan berkompromi dengan isu berkenaan kerana ia sudah berlanjutan untuk tempoh masa lama dan menjejaskan penanaman padi di negara ini.

"Justeru, tindakan tegas akan diambil kepada petani dan pembekal yang terabit dalam isu ini.

"Pada November tahun lalu, kita sudah mengeluarkan Perintah Tetap kepada pengeluar, pemborong, peruncit, ejen pengedar bagi program Insentif Benih Padi Sah (IBPS).

"Kita akan siasat perkara ini mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522) iaitu pengedaran dan penjualan benih," katanya.

Beliau turut memberi amaran supaya pihak yang terabit segera menghentikan kegiatan itu atau berdepan tindakan undang-undang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Komplot jual benih padi



Kuala Lumpur: Walaupun kerajaan melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal dalam pengedaran benih padi, ada pihak dikesan mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan.

Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengesan wujud kelompok tertentu menjual benih padi secara tidak sah di utara tanah air.

Ketua Pengarahnya, Azman Mahmood berkata, ia berdasarkan aduan diterima daripada petani mengenai aktiviti yang didalangi orang dalam industri itu.

"Apabila kerajaan mengumumkan langkah penyelesaian untuk isu kawalan harga serta kualiti benih padi, pihak berkenaan tidak lagi terbabit.

"Apa yang dilalukan, mereka menghabiskan stok benih padi yang ada untuk dijual kepada kepada petani dan ia di luar skim yang diperkenalkan kerajaan," katanya kepada Harian Metro.

Azman berkata, pihaknya kluatir benih yang dijual itu tidak menepati kualiti yang sepatutnya dan ia boleh menjejaskan pengeluaran padi di dalam negara.

Menurutnya, pihaknya tidak akan berkompromi dengan isu itu kerana ia sudah berlanjutan untuk tempoh masa lama dan menjejaskan penanaman padi di negara ini.

Justeru katanya, tindakan tegas akan diambil kepada petani dan pembekal yang terbabit dalam isu itu.

Katanya, November tahun lalu, pihaknya sudah mengeluarkan Perintah Tetap kepada pengeluar, pemborong, peruncit, ejen pengedar bagi program Insentif Benih Padi Sah (IBPS).

"Kita akan siasat perkara ini mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522) iaitu pengedaran dan penjualan benih.

"Saya beri amaran agar mereka ini menghentikan segera kegiatan ini atau berdepan tindakan undang-undang," katanya.

20/1/2021

HARIAN METRO

LOKAL

12

Pekan: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pahang merekodkan 207,369 ternakan milik 341 penternak terbabit dengan bencana banjir yang berlaku sejak awal bulan ini sehingga semalam.

Pengarah JPV Pahang, Dr Kamariah Ghazali berkata, daripada jumlah itu 12,834 ternakan dilaporkan mati disebabkan lemas dan ke-sejukan.

Katanya, jumlah ternakan mati dijangka bertambah disebabkan beberapa faktor termasuk daya tahan haiwan yang lemah selepas banjir dan keadaan cuaca semasa.

Menurutnya, aduan kematian ternakan lembu, kerbau, kambing, ayam dan itik diterima pihaknya secara berperingkat, bermula awal banjir hingga semalam.

"Kes kematian ternakan dilaporkan berlaku di semua daerah yang berlaku banjir kecuali di Cameron Highlands dan aduan kematian ternakan dijangka akan terus diterima sehingga banjir surut.

"Bagi meringankan beban penternak, pihak JPV Pahang turut memberi bantuan ihsan dalam bentuk makanan ternakan seperti dedak untuk lembu dan kambing, silaj serta kit kesihatan kepada 189 penternak.



KETUA Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Norliza Mohd Noor dan Dr Kamariah meninjau ternakan lembu yang diletakkan di tepi jalan utama di Kampung Temai, Pekan akibat banjir.

Rekod 12,834 kes ternakan mati

"Kita sentiasa berusaha membantu penternak dalam memastikan kerugian disebabkan haiwan ternakan mati dapat diminimumkan," katanya di sini, semalam.

Beliau menambah, sebelum ini, JPV turut memintakan pagar ternakan untuk mengawal pergerakan ternakan supaya tidak berkeliaran di atas jalan ketika banjir berlaku. Ramai penternak di daerah Pekan dan

nakan meroka di tepi jalan utama selepas kawasan rawit ditenggelami banjir.

"Terdapat seramai 200 penternak di daerah itu memiliki lembu, kerbau dan kambing pada skala kecil dan sederhana," katanya.

Dr Kamariah berkata, penternak yang ternakan meroka mati dan hilang diharap dapat segera membuat aduan kepada JPV daerah dan negeri untuk tujuan siasatan dan rekod.

Pemantauan kini terus dilakukan secara berterusan.

Kuantan menerima kementerian Dr Kamariah berkata, rekod JPV Daerah Pekan mendapati ada lebih 3,000 ternakan seperti lembu, kerbau dan kambing di beberapa kampung ini terpaksa ditempatkan di tepi jalan utama sejak banjir melanda daerah berkenaan.

"Penternak kini tiada pilihan apabila terpaksa memindahkan haiwan ter-

Terdapat 207,369 ternakan milik 341 penternak terbabit bencana banjir

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Lebih 50 ekor lembu mati

KUANTAN: Musibah banjir yang berlaku kali ini bukan sahaja memberikan kesan kepada manusia malah haiwan turut menerima tempiasnya.

Di Kampung Semangat di sini, lebih 50 ekor lembu yang merupakan haiwan ternakan penduduk di situ ditemukan mati selepas air bah surut.

Puncanya, *Utusan Malaysia* difahamkan adalah disebabkan lemas dihanyutkan arus deras selain kesejukan dan kelaparan.

Penduduk Kampung Semangat, **Nazri Awang Ahmad**, 45, berkata, setakat ini, sebanyak 17 ekor lembu miliknya

ditemukan mati.

“Saya bela sebanyak 90 ekor lembu, semasa banjir dua minggu lalu, kesemua lembu saya tempatkan di lokasi berbukit di kampung ini.

“Sejak dari itu, setiap hari saya ke situ untuk beri makan namun disebabkan banjir, makanan tidak cukup dan lembu-lembu saya mati kelaparan dan kesejukan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Nazri berkata, dia belum dapat menganggarkan jumlah kerugian ditanggungnya kerana masih dalam proses mencari kesemua lembu ternakannya.

“Setakat ini lembu banyak

berkeliaran di merata tempat di kampung ini selepas banjir surut, saya masih dalam proses mencari lembu saya dan setakat yang nampak 17 ekor telah mati,” katanya.

Menurutnya, sejak musibah itu berlaku awal bulan lalu, lebih 50 ekor lembu dipercayai mati di kampung itu.

“Kejadian lembu mati akibat banjir adalah perkara biasa di kampung ini, tapi kali ini ia paling teruk dan ramai (penternak) yang tidak menyangka.

“Jadi, penternak tidak sempat mengalihkan lembu ternakan mereka dan hanyut dibawa arus,” katanya.



SEBAHAGIAN bangkal lembu milik penduduk yang mati akibat banjir di Kampung Semangat, Kuantan, kelmarin. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

Berkat jaga ibu, bekas pereka grafik jadi petani berjaya

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

PONTIAN – Keputusan seorang bekas ketua pereka grafik berhenti kerja untuk menjaga ibu selepas kematian bapanya tiga tahun lalu nyata membuka peluang rezeki lebih luas buat dirinya.

Selepas Mohd. Fairuz Hashim, 37, berhenti kerja daripada sebuah syarikat perabot di Pasir Gudang dekat sini, dia pulang ke Kampung Ayer Baloi di sini dan mengusahakan tanaman cili.

Menurut Mohd. Fairuz, bapanya, Hashim Ibrahim meninggal dunia pada tahun 2017 dan dia kemudiannya meninggalkan keraja untuk menjaga ibunya, Samiah Abdullah, 70-an, yang tinggal

bersendirian di kampung.

"Tiada orang jaga ibu, jadi saya buat keputusan untuk pulang ke kampung bersama isteri, Nur Hanisah Zakaria dan anak-anak. Kebetulan pula ayah ada tinggalkan tanah seluas dua ekar (0.8 hektar).

"Saya fikir daripada terbiar macam itu, baik saya usahakan sesuatu yang boleh mendatangkan hasil dan daripada situlah saya mula menanam cili jenis sakata 461," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Mohd. Fairuz berkata, dia mendapatkan khidmat nasihat daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Ayer Baloi serta Pejabat Pertanian Daerah bagi bagi mengusahakan tanah

tersebut.

Ujarnya, dia memulakan tanaman cili sakata 461 secara fertigasi sebanyak 1,000 pokok di atas tanah seluas 0.4 hektar dengan kos sebanyak RM40,000 bagi penyediaan tapak dan peralatan fertigasi.

"Pada tahun 2018, saya menerima Peruntukan Hubungan Strategik (Strategic Linkages - SL) Negeri Johor di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) iaitu 500 set unit fertigasi bernilai RM10,000," ujarnya.

Pemegang Diploma Reka Bentuk ini berkata, 1,000 polibeg mampu mengeluarkan hasil kira-kira 5 hingga 6 tan semusim dengan memasarkannya melalui PPK Ayer Baloi.



MOHD. FARUZ dan isterinya melihat tanaman cili Sakata 461 di Jalan Haji Jali, Ayer Baloi, di Pontian baru-baru ini.

20/1/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

33

PKP 'ganggu' ketibaan raja buah

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI

utusamews@mediamulla.com.my

JELEBU; Walaupun waktu ini di luar musim durian, namun di Jelebu raja buah tersebut sudah mula luruh khususnya di kawasan Kampung Chenmah dan Kenaboi dekat sini.

Bagaimanapun, ketibaan durian dari Jelebu itu dibayangi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di beberapa negeri termasuk daerah Seremban dan Port Dickson sendiri.

Tinjauan *Utusan Malaysia* semalam mendapati kedatangan musim durian berbeza berbanding sebelum ini apabila tidak ramai pembeli makan dan memilih durian di gerai-gerai peniaga di sini.

Peniaga Khairul Anuar Zainal Azman, 49, berkata, situasi tersebut menyebabkannya dia terpaksa menjual durian kepada peraih bagi memastikan buah di luar musim ini dapat jual.

"Kini hilang sudah kemeriahan berkumpul di dusun makan makan beramai-ramai di gerai durian kerana mematuhi norma baharu yang mengutamakan penjarakan fizikal termasuk hanya boleh dibawa pulang ke rumah.



KHAIRUL ANUAR ZAINAL AZMAN menunjukkan durian yang luruh di luar musim yang dijual kepada penduduk sekitar dan peraih di Kampung Chenmah, Jelebu, semalam. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI.

"Susulan itu kami terpaksa guna khidmat tiga orang peraih untuk memastikan dapat menjual durian di dusun kami," katanya ketika ditemui *Utusan*

Malaysia di sini, semalam.

Katanya, durian Jelebu mula luruh sejak awal bulan ini dan biasanya durian hanya satu musim namun kini ada penge-

luaran di luar musim dan ia dijangka berlanjutan sebulan.

"Saya sebagai peniaga tidak risau sangat kerana memang ada pelanggan tetap malah

boleh guna Facebook untuk mengumpul peminat durian sebelum saya ke beberapa kawasan untuk menjual durian yang ditempah," katanya.

Sementara itu Khairul Anuar menjelaskan, pelbagai jenis durian terdapat di Kenaboi ketika ini antaranya, durian kampung yang harganya boleh mencecah RM14 sekilogram, tembaga (RM23) durian kahwin (RM28), IOI (RM32) dan Teka (RM38).

Sementara itu, Majlis Pengerus Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Chenmah, Rosmadi Arif berkata, walaupun 'hantu durian' tidak berpeluang ke sini kerana tempoh PKP namun, peraih boleh bergerak ke beberapa lokasi yang dibenarkan untuk menjual raja buah tersebut.

"Kami tidak menggalakkan orang ramai ke sini namun, mereka (peminat durian) boleh mendapatkan durian Kenaboi di beberapa peraih di sini.

"Sebelum ini kampung ini meriah dengan kedatangan peminat durian namun, kini, kami kuarat sekiranya virus itu merebak ke kampung ini. Pengeluaran durian luar musim ini memang berlaku selama lebih kurang 46 hari sejak awal bulan ini," katanya.